

DI AMBANG PERTEMUAN 2M DI LONDON

# Strategi pujuk rayu Maggie Thatcher akhirnya bawa hasil...

- 7 MAR 1983

**N**AMPAKNYA akan terkabul jugalah hasrat Perdana Menteri Inggeris

Puan Margaret Thatcher hendak bersempua dengan Dr Mahathir. Sejak

kemesraan Malaysia terhadap Britain di dinginkan oleh Dr Mahathir kira-kira dua tahun lalu, Perdana Menteri kita ini menjadi semacam suatu enigma kepada pemimpin-pemimpin Inggeris.

Mereka menjadi terpinga-pinga dengan perubahan sikap kita yang mendadak itu. Tidak pernah mereka sangka bahawa sebuah negara yang pernah dituaninya, sebuah negara yang "dianugerahkan" kemerdekaannya, sebuah negara yang sekian lama menjadi sumber ekonomi yang kaya dan stabil, tiba-tiba memalingkan mukanya.

Malangnya, segala tindakan mereka ini diasaskan kepada perasaan marah dan ketakutan semata-mata. Jikalau ada pun analisa mengenai rentetan peristiwa itu, analisa itu dibuat dari kacamata seorang "tuan" terhadap hambanya.

Memanglah orang Inggeris itu sangat terkenai dengan sifat "snobishnya." Oleh kerana itu tidak ada minat dan kesungguhan pihak mereka hendak memahami dan menyelami hasrat Kerajaan kita.

Mereka seolah-olah tidak ingin mengakui dan mengiktiraf kedaulatan dan maruah kita sebagai bangsa yang sudah merdeka.

Dr Mahathir tidaklah berniat hendak memimpin negara dan rakyatnya supaya bermusuhan dengan seslapa, apatah lagi dengan Kerajaan Inggeris. Dalam sejarah kita sebenarnya kita tidak pernah memulakan permusuhan dengan se-

Perhambaan kita yang bertahun-tahun kepada Barat terutama Britain bukanlah dengan kehendak rakyat. Itu adalah ketentuan sejarah silam. Kerana itulah kini Dr Mahathir dan kerajaannya hendak menentukan supaya sejarah begitu tidak berulang.

Britain dan negara-negara Barat harus memahami dengan jelas hasrat murni ini. Mereka harus sedar bahawa sikap pertuanan mereka terhadap negara-negara bekas jajahan adalah sikap usang, sikap yang tidak bijaksana.

Kerana apa pun juga tindak balas mereka selama ini terhadap sikap Dr Mahathir tidak pernah menggoyahkan pendirian pemimpin kita itu. Malah ia menjadi bertambah cekal. Apatah lagi apabila seluruh rakyat juga bersatu hati berusaha membina semangat baru itu.

Kecekalan dan kesungguhan Dr Mahathir

Menurut sumber-sumber yang rapat dengan Perdana Menteri, Dr Mahathir pada mulanya enggan menemui Puan Thatcher di pejabat

rasmi dan kediamannya di nombor 10, Downing Street. Dr Mahathir hanya bersetuju untuk bertemu di suatu tempat tidak rasmi dan bebas seperti sebuah restoran.

Hanya apabila penasihat-penasihatnya menyarankan bahawa pertemuan Perdana Menteri dengan Perdana Menteri lebih manis diadakan di kediaman Perdana Menteri, barulah Dr Mahathir bersetuju.

Sumber-sumber itu juga berkata faktor lain yang menggerakkan hati Dr Mahathir untuk menerima jemputan Puan Thatcher ialah adanya bayangan bahawa Puan Thatcher akan mengembalikan Carcosa — kediaman rasmi Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur — sewaktu per-

Bukan itu saja. Apabila Permodalan Nasional Berhad "menyerang" pasaran saham London dengan pembelian saham Guthrie Corporation dan seterusnya berjaya membawa balik syarikat gergasi itu ke Kuala Lumpur di akhir 1981, pemimpin politik dan ekonomi Inggeris menjadi kaget.

Maka dalam keterkejutan dan kekagetan itu mereka mula melancarkan gerakan tindakbalas. Strategi pertama yang jelas ialah perang dingin. Perang psikologi.

Kerajaan Inggeris terus memperketat undang-undang pasaran sahanya supaya peristiwa Guthrie itu tidak berulang. Pemimpin-pemimpin politik dan ekonomi Inggeris juga berusaha menyebarkan berbagai dakyah untuk menghina Malaysia dan pemimpinnya di mata dunia.

## Menghina

Akhbar dan saringan media mereka bergandeng bahu dalam usaha ini. Sehingga pada satu tahap Dewan Perdagangan dan Perusahaan Antarabangsa (ICC), yang berpusat di London telah mengiriskan arahan kepada ahli-ahlinya supaya jangan melabur di Malaysia.

siapa pun.

Sebaliknya negara kita yang sering menjalin persahabatan baik dengan negara jiran mahupun dengan negara-negara berjauhan. Konsep Asean yang dilahirkan di Kuala Lumpur adalah contoh yang terbaik. Dan kini, kitalah yang bermati-matian berkempen di seluruh dunia supaya konsep kerajaan campuran Kampuchea diterima.

Sikap Dr Mahathir terhadap Britain adalah pancaran hasrat dan sikap seluruh rakyat. Suatu sikap bahawa pendewaan melulu terhadap sesuatu kuasa, terutama kuasa imperialis, harus dibanteras. Kerana bahaya yang akan dibawa dari sikap pendewaan melulu itu sangat besar.

## Pendewaan

Salah satu dari bahaya itu ialah kehilangan maruah dan martabat diri. Orang yang mendewakan sesuatu secara melulu selalunya tidak berperibadi kerana ia kurang yakin kepada kemampuan dan kebolehan dirinya. Ia juga akan mempunyai perasaan hina diri yang keterlaluan.

Akhirnya segala sifat-sifat lemah ini akan mencandui dan menghantui dirinya. Tentulah kita tidak ingin menjadi bangsa yang lemah seperti ini.

dan pemimpin-pemimpin kita untuk tidak mendewa-dewakan Britain dan sebaliknya mengeratkan persahabatan dengan dunia timur terutama Korea dan Jepun akhirnya berjaya mencelekkkan mata Inggeris.

Lalu strategi mereka yang kedua dilancarkan. Strategi memujuk dan merayu.

Perdana Menteri Inggeris Puan Margaret Thatcher yang dikenali di Barat sebagai wanita berhati waja itu terpaksa merendahkan dirinya mengundang Dr Mahathir supaya sudi berbincang dengannya.

Sekurang-kurangnya tiga kali undangan itu dibuat. Tetapi setiap kali Dr Mahathir menolaknya.

## Restoran

Jelas bahawa minat Puan Thatcher hendak menjernihkan suasana itu adalah minat yang sungguh-sungguh dan jujur. Jelas juga bahawa Kerajaan Inggeris dan pemimpinnya sudah mula berusaha memahami aspirasi pemimpin kita.

Barangkali kerana ke-sungguhan itulah maka Dr Mahathir kali ini ber-setuju untuk bertemu dengan Puan Thatcher. Itupun hanyalah kerana kebetulan Dr Mahathir akan menghadiri acara konvokesyen anaknya yang sedang menuntut di Brighton.

temuan itu.

Ada juga tanda-tanda bahawa Universiti Cambridge akan menyediakan beberapa tempat khas untuk penuntut-penuntut kita pada tahun ini.

Dr Mahathir akan bertemu Puan Thatcher seorang saja secara tertutup selama satu jam dari jam 7 hingga 8 malam pada petang 9 Mac 1982. Selepas itu barulah Puan Thatcher yang

pemimpin politik Inggeris bersama isteri mereka akan meraikan Dr Mahathir dan isterinya dengan jamuan makan malam.

Esoknya iaitu pada 10 Mac, Lord Jellicoe, Presiden Dewan Perniagaan British dan orang-orangnya akan meraikan Dr Mahathir di jamuan makan tengahari di Restoran Connaught.